

Pilihan raya: Pak Lah belum dapat petunjuk

UM 10 OCT 2003

KUALA LUMPUR 9 Okt. — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, beliau belum mendapat petunjuk bila pilihan raya umum ke-11 akan diadakan.

Beliau berkata, tarikh untuk beliau membubarkan Parlimen selepas mengambil alih kerusi Perdana Menteri daripada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada akhir bulan, tidak dapat diberikan lagi.

"Itu tidak bolehlah saya beritahu, saya tak dapat nak menyatakan secara tepat.

"Tok Mat (Setiausaha Agung BN, Tan Sri Mohamed Rahmat) kata dia tak mimpi lagi hendak nasihatkan saya (panggil pilihan raya)," ujarnya berseloroh.

Abdullah berkata demikian dalam sidang akhbar yang turut dihadiri oleh Mohamed selepas melancarkan Kursus Pilihan Raya Pemuda Barisan Nasional (BN) dan melepaskan konvoi Keamanan Bermotor Jelajah Negeri anjuran Perikatan Keamanan Malaysia, di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Beliau akan mengetuai BN dalam pi-

lihan raya umum akan datang, yang perlu diadakan sebelum mandat rakyat berakhir pada November 2004.

Menurut Abdullah lagi, BN dan UM-NO selaku sebuah parti tidak boleh bersara daripada perjuangan walaupun pemimpin mereka, Dr. Mahathir, akan berbuat demikian.

Mereka sebaliknya harus menjadikan komitmen Dr. Mahathir untuk terus berkempen selepas bersara sebagai panduan bahawa kerja-kerja parti tidak boleh dihentikan sampai bila-bila.

"Jangan biarkan parti kita bersara, parti mesti teruskan perjuangan dan Dr. Mahathir sendiri telah menyatakan beliau akan terus sumbangkan kepada parti (selepas persaraan) dengan berkempen dan memberi ceramah lagi.

"Itu tandanya kerja parti tidak boleh bersara," katanya.

Abdullah berkata, beliau tidak sabar-sabar untuk menghadapi pilihan raya umum ke-11 yang akan diketuainya dan yakin BN akan mencapai kejayaan lebih besar berbanding pilihan raya lalu.

"Ya...kerana saya terpaksa melaku-

kannya, ia sesuatu yang saya tidak boleh elak.

"Dengan itu saya harapkan jentera parti mestilah kuat dan berkesan serta Pergerakan Pemuda BN tunjukkan kehadiran yang gagah, ramai, komited dan bersedia untuk menyumbang kepada kejayaan BN.

"Hari ini saya mendapat komitmen mereka untuk bekerjasama dengan wanita dan ahli parti yang sudah dewasa, bagi membantu kempen pilihan raya," ujarnya.

Beliau berkata, keputusan BN untuk mewujudkan Pemuda BN secara rasmi awal tahun ini merupakan pengiktirafan kepada golongan muda yang semakin ramai dalam masyarakat.

"Harapan kita ialah mereka dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang lebih besar kepada parti dan ada kebolehan untuk melaksanakannya, cuma diperlukan sedikit organisasi serta peraturan mengenai cara kerjasama untuk melakukannya," katanya.